

U B856 AAB

MAHATHIR - DEBATE

(1)

1984

KUALA LUMPUR, 17 OKT. (BERNAMA) -- UMNO TELAH MEMILIH MENTERI BESAR TERENGGANU, DATUK AMAR HAJI WAN' MOKHTAR AHMAD UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERDEBATAN UMNO - PAS YANG AKAN DIADAKAN PADA 11 NOV., DEMIKIAN DIUMUMKAN OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGAIMANAPUN BERKATA BELIAU MASIH BELUM MEMUTUSKAN DUA LAGI PENDEBAT YANG AKAN MEWAKILI UMNO DALAM PERDEBATAN YANG AKAN DISIARKAN SECARA LANGSUNG OLEH TELEVISYEN MALAYSIA ITU.

+KAMI (UMNO) TELAH BERSIAP SEDIA UNTUK BERDEBAT TETAPI PENDEBAT-PENDEBAT LAIN MASIH BELUM DIPUTUSKAN LAGI, +KATANYA SELEPAS MEMPENGERUSI MESYUARAT MINGGUAN KABINET DI PEJABATNYA DISINI.

SUMBER-SUMBER POLITIK BERKATA DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR YANG JUGAPENGERUSI BIRO AGAMA UMNO DIPILIH KERANA PENGETAHUANNYA YANG LUAS TENTANG ISLAM DAN BELIAU BUKAN SAHAJA DIHORMATI OLEH ANGGOTA-ANGGOTA UMNO TETAPI JUGA DI KALANGAN ANGGOTA PAS.

SUNGGUHPUN DATUK SERI DR. MAHATHIR ENGGAN MENGULAS DENGAN LEBIH LANJUT TETAPI ADALAH DIFAHAMKAN BAHAWA DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR AKAN MENJADI PENDEBAT UTAMA UMNO DALAM PERDEBATAN YANG DIJADUALKAN BERMULA PUKUL 9 MALAM DI SALAH SEBUAH STUDIO DI ANGKASAPURI.

SEORANG PEMIMPIN UMNO BERKATA JIKA PAS BERBANGGA MEMPUNYAI SEORANG TOKOK AGAMA IAITU NAIB PRESIDENNYA, HAJI HADI AWANG MAKA UMNO JUGA MEMPUNYAI SEORANG TOKOH YANG LEBIH BERKALIBER DAN +SEPADAN+ UNTUKNYA IAITU DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR YANG JUGA BERKEMAHIRAN DALAM ISU-ISU ISLAM.

+SEBENARNYA, SAYA YAKIN DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR YANG TERKENAL DENGAN SIFAT-SIFATNYA YANG PENYABAR DAN SEDERHANA ITU DAPAT MENGEMUKAKAN HAJI HADI AWANG DENGAN PADAT SEMASA BERDEBAT BERBANDING DENGAN HAJI HADI YANG MERUPAKAN SEORANG YANG MEMBERI SYARAHAN DENGAN HANGAT HANYA KETIKA MEMBACA KHUTBAH KEPADA PARA PENGIKUTNYA TETAPI TIDAK DAPAT BERDEPAN DENGAN PENONTON DI SELURUH NEGARA, + TAMBAH PEMIMPIN TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEBERATAN UNTUK MEMBERITAHU SIAPAKAH DUA TOKOH LAIN YANG AKAN DIKEMUKAKAN OLEH UMNO SUNGGUHPUN RAMAI YANG MERAMALKAN KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA ENCIK ANWAR IBRAHIM DAN TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DR. YUSOFF NOOR.

SUMBER-SUMBER YANG RAPAT DENGAN PAS BERKATA PENDEBAT-PENDEBAT YANG AKAN MEWAKILI PAS, IALAH KETUA DEWAN ULAMAKNYA HAJI NIK AZIZ NIK MAT DAN TIMBALAN PRESIDENNYA HAJI FADZIL NOR.

TEKA MENEKA INI AKAN BERLARUTAN KERANA KEDUA-DUA PARTI POLITIK SUDAH TENTU INGIN MERAHSIAKAN NAMA TOKOH-TOKOH MEREKA SEPULUH MENGEMUKAKANNYA KEPADA KEMENTERIAN PENERANGAN.

SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK SERI SANUSI JUNID KETIKA MENGUMUMKAN TAJUK DAN TARIKH DEBAT DUA HARI LALU BERKATA KEDUA-DUA PIHAK, UMNO DAN PAS, HENDAKLAH MENGEMUKAKAN NAMA PENDEBAT-PENDEBAT MEREKA KEPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENERANGAN SELEWAT-LEWATNYA PADA 31 OKT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA OLEH KERANA BELIAU BERADA DI LUAR NEGERI HAMPITIGAMINGGU, BELIAU BELUM MEMBINCANGKAN BUTIR-BUTIR LANJUT DEBAT TERSEBUT TERMASUK SIAPA YANG PATUT MENJADI PENGERUSI, MASA YANG PATUT DITETAPKAN UNTUK KE UDARA DAN SAMA ADA SEBARANG SYARAT PATUT DIKENAKAN BERHUBUNG DENGAN PERDEBATAN TERSEBUT.

+TETAPI SAYA INGIN MENEGASKAN BAHAWA TIDAK SEORANG PUN PENYOKONG KEDUA-DUA PARTI DIBENARKAN MASUK KERANA PERDEBATAN TERSEBUT AKAN DIJALANKAN DALAM SEBUAH STUDIO ,+ KATANYA KETIKA MENGULAS CADANGAN PAS SUPAYA UMNO DAN PAS DIBENARKAN MEMBAWA 50 ORANG PENYOKONG DAN MEREKA BOLEH MENGEMUKAKAN SOALAN.

BEBERAPA NAMA TELAH DICADANGKAN UNTUK MEMPENGERUSIKAN PERDEBATAN TERSEBUT TERMASUK SPEAKER DEWAN RAKYAT, TAN SRI ZAHIR ISMAIL, PROF. AHMAD IBRAHIM DARI UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA DAN NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYA PROF. DIRAJA UNGKU AZIZ.

TETAPI DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: + SEMUA BUTIR LANJUT TERMASUK MEMILIH PENERUSI DAN WAKTU KE UDARA AKAN DIURUSKAN KEMUDIAN.

+ ITU KERJA SANDBILAH. + TAMBAHNYA. -- LAGI.

D174

UB875 AAB

MAHATHXR -DEBAT KUALA LUMPUR

(I)

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK TAHU MENAHUTENTANG KEPUTUSAN PAS MENGHANTAREMPATORANGWAKIL UNTUK BERUNDING DENGAN UMNO MENGENAS BUTIR-BUTIR PERDEBATAN TERSEBUT.

+SAYA BUKAN NAK BINCANG PERKARA ITU (DEBAT) SAHAJA. BUKAN I TU SAHAJA PERKARA BESAR.+

TAJUK PERDEBATAN IALAH: +PAS MENUDUH BAHAWA AHLI-AHLI UMNO ADALAH KAFIR DAN BARANGSIAPA YANG MENENTANGNYA JIKA MATI ADALAH MATI SYAHID.+

DITANYA SAMA ADA TERDAPATSEDIKITPERUBAHAN DALAM TAJUK YANG DICADANGKAN OLEHNYA, DATUK SERI RR. MAHATHIR MENJAWAB: +SAYA FIKIR TIDAK ADA APA-APA...SEMAMACAM ITU JUGA, TAJUK ITU JUGA.+ -- BERNAMA

1440MST 17 10 84